



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
7 JULAI 2025



Nasional

Isnin, 7 Julai 2025 BH

Isu letupan gas di Putra Heights

Penduduk puas hati kediaman hampir siap

Projek bina, baik rumah terjejas berjalan lancar dan dijangka siap bulan depan

Oleh Noor Hafizah
Ahmad Jaafar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penduduk yang menjadi mangsa insiden letupan paip gas di Putra Heights pada 1 April lalu, berpuas hati dengan proses baik pulih rumah mereka yang terjejas teruk akibat kejadian itu.

Suri rumah, Sharifah Mustafa, 59, berkata rumahnya antara 10 rumah yang dibaik pulih Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan dia bersyukur projek itu berjalan lancar dengan hampir 70 peratus sudah disiapkan.

"Alhamdulillah, setakat ini projek baik pulih rumah saya yang rosak teruk akibat letupan paip gas itu berjalan lancar dan dijangka siap bulan depan. Kejadian itu menyebabkan rumah saya yang rosak terpaksa dirobohkan dan kemudian dibaik pulih semula dengan peruntukan RM300,000 daripada SPNB.

"Sekarang saya sudah nampak struktur dan bentuk rumah dengan 70 peratus hampir siap sepenuhnya. Kami tidak sabar untuk kembali semula dan hidup seperti sebelum ini di Putra Heights," katanya ketika dihubungi



Kerja membaik pulih rumah yang terjejas akibat insiden letupan paip gas di Putra Heights giat dijalankan.

BH, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, akan mengadakan sesi taklimat khas kepada semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor berhubung isu letupan saluran paip gas di Putra Heights selepas sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) hari pertama hari ini.

Tinggal di rumah sewa

Bellau dilaporkan berkata, sesi penerangan itu akan dilaksanakan jawatankuasa siasatan teknikal, antaranya membabitkan pihak polis dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Sharifah berkata, tindakan merobohkan rumahnya itu dibuat selepas penilaian dilakukan Jabatan Bomba dan Penyelamat

Malaysia (JBPM) demi keselamatan mereka.

Katanya, buat sementara waktu, beliau sekeluarga tinggal di rumah sewa berhampiran yang disediakan Kerajaan Selangor selama enam bulan.

Sementara itu, pengusaha bengkel kimpalan besi, Mohd Badly Nordin, 40, berkata meskipun tidak melalui proses bina semula, kerosakan rumahnya yang agak teruk juga perlu dibaik pulih SPNB.

"Rumah saya tak rosak teruk, namun masih memerlukan proses baik pulih kerana terdapat banyak bahagian rosak seperti bumbung dan siling rumah," katanya.

Mohd Badly berkata, proses baik pulih enam rumah di kawasan rumahnya berjalan lancar dan dijangka siap Oktober ini, berbanding di kawasan lain yang

agak perlahan.

"Peruntukan yang saya dapat untuk proses baik pulih bumbung dan siling sebanyak RM150,000, manakala jika bina baharu pula RM300,000.

"Kami difahamkan SPNB menyediakan anggaran sehingga RM300,000 untuk membaiki rumah mangsa terjejas dan jumlah diberikan bergantung pada tahap kerosakan," katanya.

Mohd Badly yang menetap di Kampung Sungai Baru, kini tinggal di rumah sewa dengan kadar RM2,000 sebulan yang ditanggung Kerajaan Selangor untuk tempoh enam bulan.

"Saya tidak sabar pulang dan tinggal di rumah sendiri selepas kerja membaiki selesai sepenuhnya, setakat ini proses baik pulih lancar dan kualiti kerja mereka kemas dan cantik," katanya.



paip gas bawah tanah milik Petronas di Putra Heights di Subang Jaya pada 1 April lalu.

LAPORAN LETUPAN SALURAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS

Sesi taklimat khas kepada semua Ahli Parlimen, Adun Selangor hari ini

nyak urusannya berbentuk teknikal. Selepas itu ia akan dibawa (dibahaskan) dalam persidangan tersebut.

“(Tujuan ia dilaksanakan) supaya mereka (wakil rakyat) faham aspek yang sebenar dan tidak mempunyai persepsi tertentu,” katanya kepada media selepas Kempen Bebas Plastik Siri 2 2025 di Laman Seni Safari, di sini, semalam.

Turut hadir, Exco Kesi-

hatan Awam dan Alam Sekitar negeri, Jamaliah Jamaluddin.

Mesuarat Kedua Penggal Ketiga Dun Selangor Kelima Belas Tahun 2025 akan bersidang bermula hari ini hingga 18 Julai.

Pada 30 Jun lalu, Ketua Polis Selangor pada sidang media khas La-

poran Siasatan Insiden Kebakaran Putra Heights dilaporkan berkata, tiada

unsur sabotaj, perbuatan khianat atau kecuaiian dikenal pasti sebagai punca kejadian letupan paip gas bawah tanah milik

Petronas di Putra Heights di Subang Jaya pada 1 April. Susulan laporan itu, ke-

rajaan negeri menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi meneliti laporan siasatan lengkap insiden berkenaan serta mencadangkan langkah susulan sewajarnya.

Jawatankuasa itu akan merangkumi pandangan pelbagai pihak termasuk peranan Kerajaan Persekutuan, khususnya dalam aspek pengurusan bencana serta penjelasan kepada umum mengenai kejadian itu. - Bernama

“
Sesi penerangan
akan
dilaksanakan
jawatankuasa
siasatan teknikal
Amirudin

Selangor lawmakers to be briefed on Putra Heights blast

KLANG: A special briefing for all members of Parliament and state assemblymen in Selangor regarding the recent gas pipeline explosion in Putra Heights will be held after the conclusion of the first day of the Selangor State Legislative Assembly sitting today.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the session will be conducted by the technical investigation committee, comprising representatives from the police and the Department of Occupational Safety and Health.

"The objective is to ensure that all elected representatives clearly understand the facts of the incident and do not form assumptions," he told reporters after launching the Plastic-Free Campaign 2025 Series 2 yesterday.

"The briefing will be held after tomorrow's sitting as most of the issues involved are technical. Once briefed, the matter can be brought up and debated in the state assembly," he added.

Also present was state Public Health and Environment Committee chairman Jamaliah Jamaluddin.

The Second Meeting of the Third Session of the 15th Selangor State Legislative Assembly will be held from July 7 to 18.

On June 30, the Selangor police chief, in a special press conference regarding the Putra Heights incident, stated that no elements of sabotage, foul play or negligence were found in connection with the underground Petronas gas pipeline explosion in Subang Jaya on April 1.

Following the findings, the state government formed a special committee to review the full investigation report and propose appropriate follow-up actions.

The committee will also consult various stakeholders, including federal agencies, particularly in areas related to disaster management and public communication surrounding the incident. – Bernama



Akhbar	The Star
Tarikh	7 July 2025
Ruang	Nation
Muka Surat	6



Selangor lawmakers to be briefed on Putra Heights gas explosion

KLANG: A special briefing session on the Putra Heights gas pipeline explosion that happened in April will be held after the Selangor State Legislative Assembly sitting today.

Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the session, meant for MPs and state assemblymen, would be conducted by

the technical investigation committee, comprising police and representatives from the Occupational Safety and Health Department.

This is to ensure that all elected representatives clearly understand the facts of the incident so as not to form any assumptions, he explained.

"The briefing will be held after tomorrow's sitting as most of the issues involved are technical.

"Once briefed, the matter can be brought up and debated in the state assembly," he told reporters after launching the Plastic-Free Campaign, 2025 Series 2 yesterday.

Also present was state Public

Health and Environment Committee chairman Jamaliah Jamaluddin, Bernama reported.

The Second Meeting of the Third Session of the 15th Selangor State Legislative Assembly will be held from July 7 to 18.

The gas pipeline fire on April 1 caused widespread destruction, affecting over 200 homes.

It was reported that no elements of sabotage, foul play or negligence were found in connection with the underground Petronas gas pipeline blast.

Following this, a special committee was set up to review the full investigation report and propose appropriate follow-up actions.